

27/06/1998

Daim, Kasitah angkat sumpah jawatan menteri

KUALA LUMPUR, Jumaat - Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, mengangkat sumpah jawatan Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, di Istana Negara, hari ini.

Turut mengangkat sumpah ialah Tan Sri Kasitah Gaddam, yang dilantik menganggotai semula Kabinet sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Antara yang hadir pada upacara itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadir sama ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali; Ketua Hakim Negara, Tun Eusoff Chin; dan Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah.

Pelantikan Daim dan Kasitah diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri dua hari lalu.

Daim, 60, yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), pernah memegang jawatan Menteri Kewangan dari 1984 hingga 1991 sebelum dilantik menjadi Penasihat Ekonomi Kerajaan.

Perdana Menteri sebelum ini menjelaskan pelantikan Daim khusus berhubung pembangunan ekonomi dan usaha membantu menangani kegawatan ekonomi.

Pelantikan Daim juga tidak akan menjejaskan dua kementerian lain iaitu Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Industri dan Antarabangsa (Miti).

Kasitah, 51, yang dilahirkan di Ranau, Sabah juga adalah Ketua Umno bahagian Kinabalu. Beliau mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Negara, semalam.

Beliau sebelum ini pernah memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari 1986 hingga 1988 dan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dari 1989 hingga 1990.

(END)